



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



**CABARAN DAN IMPLEMENTASI DAKWAH DALAM  
PROGRAM AMALI DAKWAH IPDAS 2024 DI BEAUFORT,  
SABAH**

*CHALLENGES AND IMPLEMENTATION OF DAKWAH IN THE IPDAS AMALI  
DAKWAH PROGRAMME 2024 IN BEAUFORT, SABAH*

Sitti Aisha Monib<sup>1</sup>, Muhammad Amir Abdul Yasim<sup>2</sup>, Muhammad Nur Taufiq Jamari<sup>3</sup>, Mohd Hafizi Nurodin<sup>4</sup>, Ahmad Azharuddin Abdul Sattar<sup>5</sup>, Mohd Nasrun Mohd Talib<sup>6\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>7\*</sup>

<sup>1</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
E-mail: sitti\_aisha@islam.gov.my

<sup>2</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
Email: muhammad.amir@islam.gov.my

<sup>3</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
Email: nurtaufiq@islam.gov.my

<sup>4</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
Email: mohdhafizi@islam.gov.my

<sup>5</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
Email: ahmad.azharuddin@islam.gov.my

<sup>6</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
E-mail: nasrun.talib@islam.gov.my

<sup>7</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 24.03.2025

Revised date: 15.04.2025

Accepted date: 22.05.2025

Published date: 26.06.2025

**To cite this document:**

Monib, S. A., Yasim, M. A. A., Jamari, M. N. T., Nurodin, M. H., Sattar, A. A. A., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025). Cabaran Dan

**Abstrak:**

Program Amali Dakwah merupakan satu platform pendidikan berdasarkan lapangan yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) bertujuan untuk memberi pendedahan sebenar kepada mahasiswa dalam melaksanakan tugas dakwah secara praktikal di tengah-tengah masyarakat. Dalam merealisasikan Program Amali ini, setiap mahasiswa perlu mengaplikasikan ilmu yang dipelajari ketika berhadapan dengan masyarakat. Mahasiswa juga perlu bijak mengatur strategi dakwah dalam program ini agar dakwah yang disampaikan dapat diterima dengan senang hati oleh masyarakat. Walaupun persiapan awal telah disediakan sebelum turun ke arena dakwah, namun sudah tentu terdapat cabaran dan kekangan yang akan dihadapi oleh

Implementasi Dakwah Dalam Program Amali Dakwah IPDAS 2024 Di Beaufort, Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 895-910.

DOI: 10.35631/IJMOE.725059

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



mahasiswa dalam menjayakan Program Amali ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti cabaran serta strategi implementasi dakwah yang dihadapi oleh para peserta Program Amali Dakwah IPDAS 2024 yang dilaksanakan di daerah Beaufort, Sabah. Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen pelaksanaan program. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa antara cabaran utama yang dihadapi termasuklah halangan komunikasi antara kaum, kekurangan sumber dan kemudahan, serta keperluan kefahaman terhadap konteks budaya setempat. Walau bagaimanapun, pendekatan dakwah *bil hal*, dakwah *fardiyah*, dakwah *bil lisan* dan penglibatan langsung dalam aktiviti kemasyarakatan telah berjaya meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap mesej Islam. Semoga cabaran dan implementasi yang dihadapi oleh mahasiswa menerusi Program Amali Dakwah ini dapat dijadikan sebagai kayu ukur dan pedoman kepada para pendakwah pada masa akan datang.

### Kata Kunci:

Amali, Cabaran, Dakwah, IPDAS, Implementasi, Pendekatan

### Abstract:

Amali Da'wah Programme is a field-based educational platform organized by the Institute of Islamic Studies and Da'wah Sabah (IPDAS) with the aim of providing students with real exposure to carrying out da'wah responsibilities directly within the community. In realizing this program, students are required to apply the knowledge acquired throughout their studies when engaging with society. They must also be strategic and wise in formulating da'wah approaches so that the messages delivered are well-received by the community. Despite thorough preparation prior to entering the da'wah field, challenges and constraints inevitably arise throughout the implementation process. Therefore, this study aims to explore the challenges and strategies of da'wah implementation faced by participants of the IPDAS 2024 Practical Da'wah Program, conducted in the Beaufort district of Sabah. This study employed a qualitative methodology through semi-structured interviews and document analysis related to the program's implementation. The findings indicate that the primary challenges encountered include communication barriers between ethnic groups, lack of resources and facilities, as well as the need for deeper understanding of the local cultural context. Nevertheless, approaches such as da'wah *bil hal*, *fardiyah* da'wah, da'wah *bil lisan* and direct involvement in community activities have proven effective in enhancing public understanding and acceptance of the Islamic message. It is hoped that the challenges and implementations experienced by students in this program can serve as a benchmark and guidance for future da'wah practitioners.

### Keywords:

Amali, Approaches, Challenge, Da'wah, IPDAS, Implementation

## Pendahuluan

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang berada di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang terletak di Sabah. Menurut Abd Rahman *et al.* (2023) IPDAS yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) ditubuhkan pada Oktober 1979 oleh Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) untuk memberikan bimbingan agama kepada golongan muallaf yang semakin meningkat di Sabah pada waktu itu. Pada tahun 1984 PLD Keningau telah

diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan diuruskan oleh JAKIM yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Seiring perkembangan semasa, IPDAS kini berperanan sebagai pusat pembangunan keunggulan muallaf, kecemerlangan kemahiran dan keusahawanan Islam, serta pembentukan *rijal al-dakwah* yang profesional (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2025). Selain menjadi peneraju pendidikan di Sabah, IPDAS turut menekankan pendekatan yang kontekstual dan bersifat lapangan dalam melahirkan pendakwah berwibawa yang mampu berinteraksi dengan pelbagai latar masyarakat (Monib, 2025).

Menurut Ahmad Shukri (2024), selaras dengan pendekatan lapangan yang diterapkan oleh IPDAS, mahasiswa diwajibkan untuk mengikuti kursus Amali Dakwah bagi Program Diploma Dakwah Islamiah pada semester terakhir. Kursus ini juga dikenali sebagai Program Dekat di Hati Anak Malaysia yang mana ia merupakan medan bagi mahasiswa mempraktikkan ilmu dakwah yang diperolehi di bilik kuliah agar mahasiswa dapat memahami realiti serta cabaran dalam dunia dakwah. Pelbagai pendekatan dakwah telah digunakan dalam program ini, antaranya dakwah *bil hal* iaitu dengan menyantuni masyarakat seperti program gotong royong. Manakala pendekatan dakwah *bil lisan* juga dipraktikkan melalui aktiviti ceramah, tazkirah dan penyampaian khutbah.

Menurut Abd Karim Zaidan, pendekatan dakwah secara umum merujuk kepada kaedah-kaedah dakwah yang bersifat menyeluruh dan boleh diaplakasikan dalam pelbagai situasi terhadap seluruh lapisan masyarakat (Mohd Talib, 2024). Abd Karim Zaidan juga menjelaskan bahawa antara pendekatan umum yang sering digunakan termasuklah yang telah digariskan dalam al-Quran melalui surah *al-Nahl* ayat 125 iaitu pendekatan secara *bi al-Hikmah* yang membawa maksud berdakwah dengan kebijaksanaan dan penuh pertimbangan, *al-mau'izah al-hasannah* iaitu nasihat yang disampaikan dengan lemah lembut dan kasih sayang serta berbahaslah bersama mereka dengan cara yang terbaik dan beradab (Nurasad, 2018).

Razak dan Abdul Rahim (2018) menjelaskan pendekatan melalui keteladanan yang baik (*qudwah hasanah*) juga merupakan kaedah yang memainkan peranan penting dalam usaha untuk menarik perhatian orang yang menerima dakwah. Seterusnya pendekatan secara kultural pula menyesuaikan mesej dakwah dengan budaya setempat tanpa mengubah syariat Islam, manakala pendekatan sosial dan pendidikan menekankan keterlibatan pendakwah bersama masyarakat dan penyampaian ilmu. Dalam era digital masa kini, pendekatan melalui media dan teknologi juga menjadi medium yang efektif untuk menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran yang lebih luas. Pendekatan-pendekatan ini adalah berasaskan ajaran al-Quran dan hadis, dan perlu diterapkan secara bijaksana mengikut konteks dan latar belakang sasaran dakwah agar mesej Islam yang disampaikan dapat difahami dan diterima dengan baik.

Situasi ini memberikan ruang yang luas untuk melihat bagaimana pendekatan dakwah yang digunakan dalam Program Amali Dakwah IPDAS 2024. Pemerhatian terhadap bentuk pendekatan yang dipilih serta keberkesanannya dalam membina hubungan, menyampaikan mesej Islam, dan keberkesanannya dalam memberi kesan positif kepada komuniti setempat merupakan aspek penting dalam memahami keunikan serta cabaran dakwah di lapangan.

### **Sorotan Literatur**

Sorotan literatur diertikan sebagai sebuah penulisan referensi lengkap yang menganalisis kumpulan artikel lepas melalui pemilihan tema sesbuah kajian ilmiah. Manakala tema yang diwujudkan dalam penulisan sorotan literatur berperanan sebagai panduan dalam memandu keseluruhan penulisan. Oleh yang demikian, kajian ini menetapkan dua tema utama sebagai

panduan dalam memahami skop pendekatan dakwah melalui program amali yang telah dibangunkan oleh Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah iaitu implementasi dakwah dan cabaran dalam dakwah seperti rajah 1 berikut.



**Rajah 1: Pecahan Sorotan Literatur**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

### Implementasi Dakwah

Dakwah atau Dakwah Islamiah merupakan sebuah terma secara umum yang merujuk kepada perbuatan menyampaikan dakwah Islam. Menurut kajian Hashim dan Ahmad (2012) dalam memahami maksud dakwah Islam secara mendalam, mereka memaparkan kepelbagaiannya pengertian yang merangkumi (i) menyuruh kepada perbuatan baik melalui *al-Amr bi al-Ma'ruf Wa Nahyu A'ni al-Munkar*, (ii) dakwah sebagai entiti agama Islam itu sendiri dan (iii) sebuah ilmu yang mementingkan keperluan dalam menyampaikan dakwah kepada manusia. Dalam dunia dakwah, amali Dakwah merupakan salah satu pendedahan awal dalam menyediakan sebuah platform dakwah secara lapangan terhadap mahasiswa atau mahasiswa yang bertujuan untuk mempamerkan realiti atau *waqi'* sebenar dunia dakwah (Don *et al.*, 2023). Kajian Mokhtar *et al.*, (2021b) turut mendapati Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang diselitkan dengan unsur-unsur dakwah membolehkan mahasiswa dapat menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka.

Meneliti skop pendekatan dakwah dan implemetasinya, tiga pendekatan utama yang sering dibincangkan antaranya dakwah *bil hal*, *bil lisan*, dan dakwah *fardiyyah*. Beberapa kajian berkaitan dengan pendekatan dakwah telah dianalisis bagi memastikan kajian ini sesuai dilaksanakan. Razak dan Abdul Rahim (2018) dalam artikel "*Falsafah Dakwah bil hal Menurut Perspektif al-Quran*", menghuraikan bahawa prinsip dakwah *bil hal* berteraskan kepada amal soleh yang disebut dalam al-Quran. Kajian ini menyimpulkan bahawa tindakan yang dilakukan secara ikhlas dan konsisten mampu memberi impak dakwah yang lebih mendalam kepada masyarakat berbanding ceramah atau ucapan semata-mata. Pendekatan ini sangat sesuai diaplikasikan dalam masyarakat majmuk kerana pendekatan dakwah melalui tindakan lebih mudah diterima. Manakala Mokhtar *et al.*, (2022) pula mengetengahkan kepentingan ilmu

dakwah terhadap pendakwah masa kini menurut perspektif Muhammad al-Ghazali dalam Kitab Fiqh al-Sirah perlu diketahui kerana ia merupakan asas utama dalam arena dakwah.

Kajian Borham *et al.* (2017) telah menyenaraikan empat pendekatan dakwah yang telah impelementasi oleh Mohd Fadli Yusof yang merupakan seorang dai yang telah berjaya mengislamkan seramai dua ratus orang masyarakat bukan Islam di pedalaman Pensiangan, termasuk penduduk di Kampung Padang, Sepulut Sabah. Pendekatan dakwah yang dilaksanakan beliau antaranya ialah dengan membina hubungan baik dengan golongan mad'u di samping menggunakan komunikasi berhemah dan menarik psikologi mad'u dengan kelainan. Selain dari itu, kajian Gordani (2021) menjelaskan seorang pendakwah perlu membina hubungan dengan menampilkan akhlak terpuji atau Dakwah *Bil Hal*, ditambah dengan menggunakan metod *al-Hikmah* dalam berdialog sepertimana yang diaplikasikan oleh para rasul. Hal ini dibuktikan melalui kajian Abdullah (2016) dan rakan-rakannya yang menyatakan bahawa perancangan dakwah kebijakan perlu dilaksanakan melalui pembentukan strategi dakwah, bentuk operasi, matlamat jangka pendek dan panjang, amali amalan di pusat dakwah dan latihan pemantapan dakwah kepada masyarakat pribumi sendiri.

Seterusnya kajian oleh Othman *et al.* (2022) meneliti gaya dakwah *bil lisan* oleh pendakwah bebas di Instagram melalui video pendek. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan intonasi yang betul, bahasa yang tegas dan lembut serta bahasa pujukan dan ajakan meningkatkan keberkesanan penyampaian dakwah. Dalam Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari oleh Azlina Ibrahim *et al.* (2024), kajian mendapati pendakwah menggunakan pendekatan yang berhati-hati dan membezakan antara menghormati dan mengiktiraf cara hidup, adat dan budaya yang bercanggah dengan Islam. Mereka juga terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan yang membolehkan mereka memperkenalkan Islam secara tidak langsung serta mempraktikkan dakwah secara hikmah. Selain itu, indikator utama dalam dakwah *bil lisan* adalah menerusi dakwah *bi al-Nasf* dimana ia merupakan pemangkin penularan virus mazmumah dalam kepimpinan diri seseorang yang mampu melahirkan seorang pendakwah yang hebat (Mokhtar *et al.*, 2023).

Dari sudut yang berbeza, kajian pendekatan Dakwah *Fardiyah* turut dijalankan antaranya kajian *Ulil al-Albab* (2020) berkenaan dengan dakwah *fardiyah* Rasulullah SAW dalam Kitab *Fiqh al-Sirah Muhammad* karya *Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti* (Analisis Bimbingan dan Kaunseling Islam). Dalam kitab ini menjelaskan dakwah *fardiyah* merupakan jenis dakwah yang lebih mengutamakan keberhasilan dan lebih memperhatikan mad'unya. Kajian ini dapat membantu pihak berkenaan memperkuuh strategi dan pelaksanaan dakwah melalui tiga pendekatan ini yang mampu mengekalkan akidah dan jati diri, sambil memelihara keharmonian dalam persekitaran multi-etnik. Implementasi dakwah ini juga telah berjaya menarik minat masyarakat Sungai di Sandakan khususnya mendalami dan menghayati Islam dalam kehidupan mereka (Mokhtar *et al.*, 2021d).

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian berkaitan gabungan ketiga-tiga pendekatan ini dakwah *bil hal*, *bil lisan* dan *fardiyah* masing-masing memainkan peranan yang signifikan dan saling melengkapi. Justeru itu, ia membolehkan strategi dakwah dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

## Cabaran Dakwah

Dalam memperkatakan praktikaliti amali dakwah, cabaran melaksanakannya dalam kalangan masyarakat dilihat mampu mempengaruhi perjalanan dakwah itu sendiri. Meskipun pendekatan dakwah telah dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek, namun cabaran yang wujud perlu diteliti bertujuan mengharmonikan pendekatan dakwah dengan situasi masyarakat semasa. Abdul Rahman dan Mustapha (2020) mengakui bahawa kewujudan cabaran mempengaruhi perjalanan dakwah melalui penulisan mereka. Lokasi yang jauh, ketidakmampuan menguasai bahasa Orang Asal, ancaman Orang Asal, kekurangan pendakwah, sifat Muslim sekitar, saingan misionari Kristian, sumber kewangan, ketidakbertanggungjawaban pendakwah, pemikiran dan gaya hidup Orang Asal, sikap orang Melayu serta ketidakselaras program dakwah dengan NGO-NGO dakwah merupakan antara 12 tema cabaran yang memerlukan kerjasama agensi-agensi untuk tampil menyelesaikan isu melalui kepakaran masing-masing.

Dari sudut pandang yang berbeza, cabaran dalam dakwah turut diteliti melalui pembentukan golongan pendakwah generasi semasa atau lebih dikenali sebagai gen-Z. Zamri dan Osman (2024) melihat bahawa gen-Z berkewajiban untuk mengadaptasi perkembangan semasa bagi tujuan dakwah dalam masyarakat. Hal ini dibuktikan melalui perkembangan persekitaran digital dan keluasan maklumat global yang mewajibkan sosial media sebagai platform dakwah secara langsung. Tanpa menafikan pengaruh perkembangan semasa dalam usaha dakwah, golongan pendakwah sebagai tenaga penggerak berkewajiban untuk mempersiapkan diri dengan persediaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan dana bagi tujuan pelaksanaan aktiviti dakwah. Abd Majid (2023) dan rakan-rakannya menjelaskan bahawa antara cabaran yang berkait secara langsung dengan golongan pendakwah adalah kekurangan program sukarelawan, kurang kesedaran, minat dan sokongan, kurang keperluan dana dan tenaga sokongan, tadbir urus serta kurang pengetahuan berkaitan ideologi setempat. Dari sudut yang berbeza, pendedahan amalan dakwah terhadap generasi semasa perlu dititikberatkan selari dengan keperluan masa kini. Tidak dinafikan bahawa kewujudan gajet dalam era teknologi turut mempengaruhi pendekatan dakwah semasa. Zamri dan Osman (2024) telah meneliti isu ini dan menyimpulkan bahawa pendakwah harus menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa agar nilai-nilai Islam dapat diharmonikan dalam pendekatan dakwah semasa.

Cabaran sama yang berkait dengan perkembangan semasa adalah pendekatan dakwah dalam menghadapi cabaran masa depan. Tidak dinafikan bahawa perkembangan dan kemajuan urusan kehidupan seharian menuntut kepada pendekatan dakwah yang berbeza. Jalal, Ismail dan Abd Ghani (2018) merumuskan bahawa dalam isu ini, masalah, budaya serta karakter yang berbeza merupakan antara masalah yang wujud akibat perkembangan semasa. Jika diamati dengan mendalam, variasi cabaran yang wujud dalam perjalanan dakwah berubah dan dipengaruhi dengan situasi semasa. Dengan perkataan lain, cabaran dalam dakwah sentiasa wujud namun berbeza akibat pengaruh dan perkembangan teknologi. Penulisan oleh Ab. Ghani (2020) dan rakan-rakannya membuktikan bahawa cabaran dalam dakwah bukan hanya wujud dalam dunia masa kini bahkan lebih awal wujud dalam fasa sebelum dan selepas merdeka. Mendalam skop cabaran dalam dakwah, Azizan dan Mohd Yusoff (2020) mengfokuskan penulisan mereka hanya nilai skop jati diri dalam tujuan pengurusan cabaran dakwah. Jati diri merupakan nilai penting yang wujud melalui kisah Nabi Ibrahim AS dalam usaha menyampaikan dakwah kepada umatnya.

Justeru, daripada kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini, belum ada satu kajian khusus berkenaan dengan pendekatan dakwah dalam program Amali Dakwah IPDAS yang melibatkan mahasiswa-mahasiswa institusi sebagai program wajib yang disyaratkan sebelum mahasiswa bergraduasi. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan yang bersifat inklusif, berhikmah dan mengambil kira kepelbagaiannya budaya serta latar belakang masyarakat yang berbeza dari segi lokaliti dan demografi.

### Metodologi

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif berbentuk tinjauan yang bertujuan untuk meneliti pendekatan dakwah yang diaplikasikan dalam pelaksanaan Program Amali Dakwah (IPDAS) bagi tahun 2024 di Beaufort, Sabah. Kajian ini dimulakan melalui pendekatan analisis kandungan terhadap artikel jurnal, buku-buku, dan sumber-sumber rujukan yang berkaitan dengan pendekatan dakwah di Sabah, khususnya yang berkaitan dengan Program Amali Dakwah. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bersama beberapa orang responden, terdiri daripada pensyarah IPDAS, mahasiswa yang terlibat dalam program, serta pemimpin komuniti setempat. Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan pandangan, cadangan, dan maklum balas mereka mengenai pelaksanaan program ini. Hasil temu bual kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan digunakan sebagai pelengkap serta pengukuh kepada data dan fakta yang telah diperoleh daripada analisis kandungan. Ringkasan metodologi ini adalah seperti rajah 2 berikut.



Rajah 2: Metodologi Kajian

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

### Hasil Dapatkan

Program Amali Dakwah ini dirangka secara komprehensif bagi membentuk pendakwah yang berpengetahuan, berakhlik dan berkemahiran dalam menyampaikan dakwah secara berkesan. Pelaksanaannya melibatkan gabungan pelbagai pendekatan dakwah bagi menyesuaikan diri dengan latar masyarakat yang pelbagai kaum, budaya dan agama, khasnya di Sabah. Antara pendekatan utama yang digunakan dalam program ini ialah Dakwah *Bil Hal*, Dakwah *Fardiyah* dan Dakwah *Bil Lisan* yang berkesan.

DAKWAH BIL HAL	DAKWAH FARDIYAH	DAKWAH BIL LISAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Program Bakul Sumbangan <i>Musaadah</i></li> <li>2. Sukan dan Rekreasi</li> <li>3. Malam Akustika</li> <li>4. Program Qiamullail</li> <li>5. Kenduri Sekampung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Kem Bestari Solat</li> <li>2.Kelas Mengaji</li> <li>3.Kursus Sembelihan</li> <li>4.Pengurusan Jenazah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.Forum Hal Ehwal Islam</li> <li>2.Program Bicara Muslimah</li> <li>3.Kuliah Maghrib Khas</li> </ul>

**Rajah 3: Pendekatan Dakwah dalam Amali Dakwah Tahun 2024**

Sumber: Buku Kolokium Dakwah Kontemporari Amali Dakwah IPDAS 2024

Program ini dilaksanakan pada 27 Oktober sehingga 09 November 2024 oleh 96 orang mahasiswa Semester 6 Diploma Dakwah Islamiah Sesi Jun - Oktober 2024 di empat buah kampung sekitar daerah Beaufort iaitu Kampung Jaya Baru, Kampung Batu 6, Kampung Lumadan dan Kampung Karangan.

Seperti program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ Tahun 2022 dan Tahun 2023, program pada Tahun 2024 juga terbahagi kepada aktiviti wajib dan aktiviti tambahan. Bagi aktiviti wajib seperti Majlis Perasmian Program Dekat di Hati ‘Anak Malaysia’ dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam, ia dilaksanakan secara berpusat di Kampung Lumadan kerana kampung ini mempunyai dewan terbuka yang luas dan selesa. Manakala bagi aktiviti tambahan, ia dilaksanakan di kampung masing-masing yang dihadiri oleh keluarga angkat mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pembahagian program dijalankan adalah implementasi menerusi kesesuaian pendekatan dakwah iaitu Dakwah *bil hal*, dakwah *fardiyah* dan dakwah *bil lisan*.

### Dakwah *Bil Hal*

Menurut Quraish Shihab (1994) di dalam tafsirnya, dakwah *bi al-hāl* adalah pendekatan yang menggabungkan antara pengetahuan daripada metode dakwah *bi al-lisān* dan qalam. Ia merupakan dakwah berbentuk keteladanan yang dilaksanakan berlandaskan penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan cara hidup sesuatu masyarakat yang berkait rapat dengan tatasusila, akhlak dan teladan yang diterjemah dalam diri seorang pendakwah (Abdullah Muhammad Zin, 1996). Perkara ini sejajar dengan penjelasan Halim Mokhtar (2014) yang menyatakan bahawa *da'wah bi al-hāl* mempunyai perkaitan dengan kemajuan sosio budaya dan ekonomi masyarakat yang terhasil dari aktiviti pembangunan dakwah.

Harun al-Rasyid (1989) menyatakan konsep dakwah *bil hal* adalah dakwah meliputi semua aspek keperluan asas manusia, terutama yang berkaitan dengan keperluan bahan fizikal ekonomi. Maka dengan itu, dakwah *bil hal* lebih menekankan aspek pembangunan dalam kehidupan masyarakat serta meningkatkan taraf hidup yang lebih baik sesuai dengan tuntutan Islam dan keperluan. Melalui dapatan daripada Sri Undriyati (2015) dalam kajiannya, dapat difahami bahawa pendekatan dakwah bi al-hāl (keadaan) ini boleh dipecahkan dalam tiga keadaan iaitu Dakwah dengan prasarana, Dakwah dengan khidmat dan Dakwah dengan akhlak.

Dakwah *bil lisan* dalam program Amali Dakwah IPDAS 2024 di Beaufort dilaksanakan dengan tiga program iaitu Program Bakul Sumbangan Musaadah, Sukan dan Rekreasi, Malam Akustika, Program Qiamullail dan Kenduri Sekampung. Menurut Mahd Nayai (2025) kelima-lima program ini merupakan program yang berkait rapat dengan silibus pengajian Komunikasi Dakwah yang dipelajari oleh mahasiswa IPDAS. Ia menyumbang kepada pembentuk karakter mahasiswa dalam menyampaikan dakwah melalui pendekatan menyantuni penduduk setempat.

Rahmat (2025) menyatakan bahawa Program Bakul Sumbangan Musaadah merupakan program kerjasama yang melibatkan agensi luar, iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM). Pelaksanaan program ini memberi pendedahan kepada mahasiswa IPDAS untuk mengenali serta memahami tahap kehidupan masyarakat setempat. Selain itu, program ini turut mendidik mahasiswa bahawa dalam menyampaikan dakwah Islam, menyantuni mad'u dengan memberikan sumbangan makanan asas adalah suatu keperluan. Menerusi program yang sama, aktiviti Kenduri Sekampung turut dilaksanakan sebagai simbolik kepada penghayatan kasih sayang dan pengukuhan silaturahim sepanjang pelaksanaan Program Amali Dakwah. Penerapan kedua-dua program ini amat bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW, iaitu:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو، أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ؟ قَالَ: تُطْعِمُ الطَّعَامَ، وَتَقْرِئُ السَّلَامَ  
عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin 'Amr r.a., bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Nabi SAW: "Amalan Islam manakah yang paling baik?". Baginda menjawab: "Memberi makan (kepada orang lain), dan mengucapkan salam kepada orang yang kamu kenal dan yang tidak kamu kenal".*

(Riwayat Muslim, No.39)

Selain Program Bakul Musaadah, Qiamullail, Malam Akustika dan Sukan Rakyat turut menyumbang kepada pelaksanaan pendekatan dakwah *bil hal*. Ahmad Shukri (2025) menjelaskan bahawa program malam Akustika merupakan satu bentuk aktiviti kesenian Islam yang merangkumi persembahan nasyid, puisi serta penceritaan kisah-kisah sirah. Program ini menjadi daya penarik yang sesuai dengan kearifan tempatan memandangkan masyarakat kampung di Beaufort terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik. Sementara itu, Sukan Rakyat yang dilaksanakan pada waktu petang merupakan satu bentuk implementasi dakwah melalui pendekatan riadah yang berkesan dalam menjalin ukhuwah bersama penduduk setempat. Pada masa yang sama, ia juga berperanan sebagai medium untuk menyampaikan maklumat berkaitan program-program keagamaan sepanjang pelaksanaan Amali Dakwah (Ahmad Shukri, 2025).

Selain Program Bakul Musaadah, Qiamullail, Malam Akustika dan Sukan Rakyat turut menyumbang secara signifikan kepada pelaksanaan pendekatan dakwah *bil hal*. Menurut Ahmad Shukri (2025), program Malam Akustika merupakan satu bentuk aktiviti kesenian Islam yang merangkumi persembahan nasyid, deklamasi puisi serta penceritaan kisah-kisah sirah. Program ini menjadi daya tarikan yang sesuai dengan kearifan tempatan memandangkan komuniti kampung di Beaufort terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya. Sementara itu, Sukan Rakyat yang dilaksanakan pada waktu petang pula merupakan manifestasi pendekatan dakwah melalui aktiviti riadah yang berupaya menjalin ukhuwah antara mahasiswa dan penduduk setempat. Ia turut menjadi platform tidak formal untuk menyampaikan mesej-mesej keagamaan serta mempromosikan program dakwah. Dalam pada itu, Qiamullail yang dianjurkan secara berjemaah bukan sahaja menjadi pengisian kerohanian bagi peserta dan penduduk bagi memastikan pengsian sepanjang program Amali Dakwah IPDAS seimbang.

### Dakwah *Fardiyah*

Pendekatan dakwah *fardiyah* lebih menekankan hubungan peribadi dan komunikasi dua hala yang mendalam. Kajian oleh Ulil Albab (2020) menunjukkan pendekatan ini merupakan amalan utama Rasulullah SAW pada awal dakwah Islam. Pendekatan ini juga sesuai dalam komuniti kecil dan terpencil. Penjelasan daripada Nelson (2018) menyatakan dakwah *fardiyah* ialah dakwah yang dilaksanakan secara bersemuka atau individu, dan dilakukan secara berterusan agar mesej yang disampaikan kepada mad'u dapat disusun secara sistematis. Melalui pendekatan ini, pendakwah dapat memahami permasalahan yang dihadapi oleh mad'u dan seterusnya membantu mencari jalan penyelesaian. Tujuan akhirnya adalah untuk menegakkan amar makruf nahi mungkar serta mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Wawan Sopiyan (2023), dakwah *fardiyah* merupakan suatu usaha dakwah yang dilaksanakan secara individu dengan tujuan untuk mengubah cara hidup seseorang daripada kemerosotan akhlak, moral, agama, sosial dan sebagainya, melalui pendekatan yang bersifat persahabatan, kekeluargaan dan penuh keakraban. Ia juga merupakan satu bentuk tarbiyah (pendidikan) terhadap umat agar kembali ke jalan yang benar. Dalam erti kata lain, dakwah *fardiyah* ialah usaha menjaga, memelihara, membina serta mendidik individu agar mencapai kejayaan atau menyedarkan mereka daripada kehidupan yang tidak sihat yang telah lama dilalui. Dakwah *fardiyah* tidak mempunyai tujuan lain selain mengangkat martabat seseorang daripada kehinaan kepada kemuliaan, daripada belenggu kemiskinan kepada kesejahteraan, bahkan daripada kekufuran kepada kehidupan yang berteraskan nilai-nilai Islam.

Ahmad Shukri (2025) menjelaskan Program Amali Dakwah IPDAS 2024 di Beaufort turut menerapkan pendekatan dakwah *fardiyah*. Penerapan dakwah *fardiyah* ini bagi memperkuuh kemahiran kendiri mahasiswa IPDAS dalam menyampaikan dakwah di lapangan. Antara program yang dijayakan dengan menggunakan pendekatan dakwah *fardiyah* ini ialah Kem Bestari Solat, Kelas Mengaji, Kursus Sembelihan dan Pengurusan Jenazah.

Solat Kem Bestari Solat merupakan salah satu inisiatif pendidikan berteraskan dakwah yang bertujuan untuk memperkuuh kefahaman serta pengamalan ibadah solat dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan kanak-kanak dan remaja. Menurut Awgku Matarsat (2025), program ini dilaksanakan secara praktikal dengan pendekatan bimbingan langsung agar peserta bukan sahaja memahami teori tentang solat, malah mampu melaksanakannya dengan betul dan sempurna. Aktiviti dalam kem ini meliputi pengajaran wuduk, bacaan dalam solat, serta adab

dan syarat-syarat sah solat. Kem ini turut menjadi medium dakwah yang berkesan kerana ia menasarkan golongan sasaran secara berfokus, dalam suasana yang mesra dan membina hubungan akrab antara fasilitator dan peserta. Pendekatan seperti ini selaras dengan kaedah dakwah fardiyah yang menekankan bimbingan peribadi dan hubungan dua hala yang erat dalam usaha mendidik masyarakat secara holistik. Menurut Mokhtar *et al.* (2019), Islam sendiri menekankan bahawa penyampaian ilmu dan pendidikan itu seharusnya sesuai dan menepati tahap dan kemampuan mad'u agar ilmu yang disampaikan itu dapat diterima dengan baik.

Menurut Jamari (2025), menyatakan Aktiviti Jom Mengaji merupakan salah satu inisiatif di bawah pendekatan dakwah *fardiyah* yang memberi tumpuan khusus kepada pengukuhan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan komuniti setempat di Kampung Karangan, Beaufort. Tambahan pula, aktiviti ini juga dirangka untuk membantu guru agama iaitu Ustazah Aminah Haji Maidin dalam meningkatkan kualiti bacaan al-Quran melalui pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah* secara langsung bersama mahasiswa. Kelas mengaji di kampung tersebut menjadi medium yang efektif dalam membudayakan amalan membaca al-Quran secara konsisten dalam kalangan peserta kerana ia berlangsung pada setiap hujung minggu dan hanya melibatkan golongan wanita sahaja. Oleh demikian itu, mahasiswa IPDAS mengambil ruang dan peluang untuk membantu Ustazah Aminah dalam mengajar mahupun berkongsi ilmu pengetahuan terutama dalam bidang al-Quran.

Kursus Sembelihan berbentuk praktikal turut dilaksanakan dalam Amali Dakwah IPDAS dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap aspek fiqh sembelihan dalam Islam. Program ini memberi penekanan kepada hukum-hakam sembelihan, adab menyembelih, kaedah penyembelihan yang sah menurut syarak serta isu-isu semasa berkaitan sembelihan halal. Menurut Abdul Yasim (2025), kursus ini dilaksanakan dalam bentuk ceramah, demonstrasi langsung dan latihan amali, agar peserta bukan sahaja memahami teori, tetapi juga mampu mengaplikasikan kaedah sembelihan yang betul. Kursus ini penting terutamanya di kawasan luar bandar yang masih mengamalkan penyembelihan secara tradisional, agar selari dengan tuntutan syariah. Pendekatan dakwah bil hal melalui kursus ini memperlihatkan keberkesanannya dalam membentuk kefahaman agama yang sahih serta mengukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap peranan institusi dakwah seperti IPDAS dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat dan relevan.

Bagi memperkuat lagi kefahaman fardu ain, Kursus Pengurusan Jenazah pula merupakan satu program pendidikan kerohanian yang penting untuk memastikan kefahaman masyarakat terhadap tanggungjawab fardu kifayah dalam menguruskan jenazah mengikut lunas-lunas syarak. Program ini merangkumi sesi teori dan amali berkaitan mandi jenazah, mengkafangkan, mensolatkan serta mengebumikan jenazah. Menurut Awgku Matarsat (2025), penglibatan langsung peserta dalam setiap peringkat pengurusan memberi pengalaman sebenar yang berkesan untuk memantapkan ilmu dan kemahiran mereka. Kursus ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang tatacara pengurusan jenazah, malah menyemai nilai ihsan dan empati dalam kalangan peserta. Program ini sangat bertepatan dengan pendekatan dakwah fardiyah kerana ia dilakukan dalam suasana penuh keinsafan, membina hubungan spiritual dan memperkuat jalinan ukhuwah antara mahasiswa, penduduk dan pihak penganjur.

### Dakwah *Bil Lisan*

Dakwah *bil lisan* pula menekankan kepentingan komunikasi verbal yang berhemah. Kajian Othman *et al.* (2022) mendapati bahawa penggunaan intonasi, bahasa yang sesuai dan kaedah penyampaian yang lembut memberi kesan besar dalam keberkesanan dakwah lisan. Dakwah dengan pengucapan yang diketahui dengan sebutan dakwah *bi al-lisan* diertikan sebagai kaedah penyampaian informasi atas pesanan berisi dakwah melalui lisan ataupun percakapan. Maksud dakwah *bi al-lisan* yang diketengahkan oleh Nia Agustin (2018) merujuk kepada suatu dakwah yang berbentuk ajakan atau penyebaran, peluasan nilai-nilai keagamaan dengan pendekatan komunikasi secara verbal melalui bahasa lisan yang diucapkan mahupun tulisan seperti ceramah, pidato, tulisan dan karangan. Berdakwah dengan ucapan lisan (*da'wah bi al-qawl*) merupakan suatu kegiatan dakwah yang dilaksanakan melalui ucapan yang dikeluarkan melalui percakapan. Kebiasaannya, pendekatan dakwah melalui ucapan lisan dilakukan dengan kuliah, khutbah, diskusi, nasihat yang baik dan lain-lain.

Ibnu Tamam (2017) dalam kajian disertasi menjelaskan bahawa kata *al-lisān* secara etimologi dapat diertikan dengan lidah dalam memberikan ucapan atau berkata. Melalui ini dapat dijelaskan maksud dari metode *da'wah bi al-lisān* adalah suatu cara yang disampaikan oleh dai dalam berdakwah untuk menyampaikan pesanan dakwah dalam bentuk ceramah, diskusi, perbincangan umum bersama jemaah atau perjumpaan bersama masyarakat menggunakan platform yang bersesuaian pada kemampuan diri serta pendekatan yang baik.

Sepanjang pelaksanaan Program Amali Dakwah, terdapat tiga pengisian utama yang berfokus kepada pendekatan dakwah bil lisan, iaitu Forum Hal Ehwal Islam, Program Bicara Muslimah dan Kuliah Maghrib Khas. Menurut Ahmad Shukri (2025), pengisian Kuliah Maghrib yang dijalankan di masjid telah disampaikan oleh para mahasiswa IPDAS mengikut jadual yang ditetapkan, setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Penyertaan mahasiswa dalam menyampaikan kuliah ini merupakan satu bentuk pendedahan awal untuk melatih dan membiasakan diri mereka menyampaikan ceramah agama secara berkelompok bersama masyarakat setempat. Secara tidak langsung, ia mengasah potensi serta meningkatkan kemahiran komunikasi mereka dalam konteks dakwah.

Program Bicara Muslimah merupakan satu inisiatif khas yang dirangka khusus untuk golongan wanita. Menurut Monib (2025), pelaksanaan program ini merupakan satu bentuk pendekatan yang bertujuan untuk menyediakan ruang interaksi dua hala yang lebih selesa dan berfokus kepada keperluan wanita. Jika Kuliah Maghrib lazimnya disampaikan oleh penceramah lelaki dan melibatkan wanita sebagai pendengar sahaja, maka Bicara Muslimah memberikan peluang kepada wanita untuk menjadi pendengar dan juga peserta aktif. Penceramah bagi program ini terdiri daripada pensyarah IPDAS, guru Pendidikan Islam, dan turut melibatkan moderator daripada kalangan mahasiswi IPDAS. Pelaksanaan Bicara Muslimah ini mencerminkan keprihatinan IPDAS dalam menyampaikan dakwah yang inklusif dan relevan, khususnya berkaitan isu-isu wanita yang sering menimbulkan persoalan dalam kehidupan seharian mereka.

Kemuncak pelaksanaan pendekatan dakwah *bil lisan* dalam Program Amali Dakwah IPDAS ialah penganjuran Forum Hal Ehwal Islam yang melibatkan kerjasama strategik bersama Pejabat Mufti Negeri Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), dan Pejabat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Daerah Beaufort. Menurut Ahmad Shukri (2025), penganjuran forum ini merupakan antara program utama yang wajib dilaksanakan bagi

memastikan Program Amali Dakwah IPDAS menjalin hubungan jaringan yang kukuh dengan agensi agama negeri. Memandangkan daerah Beaufort dihuni oleh masyarakat pelbagai suku kaum dan etnik, forum ini menampilkan dua tokoh agamawan terkemuka negeri Sabah yang memahami nilai serta kearifan tempatan, iaitu Sahibus Samahah Ustaz Datuk Haji Bungsu Aziz bin Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah, dan Yang Berbahagia Ustaz Datuk Malai Ali bin Malai Ahmad, Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Ahmad Shukri (2025) menjelaskan lagi, Sahibus Samahah Datuk Ustaz Bungsu dan Ustaz Datuk Malai Alai kedua-dua merupakan tokoh agamawan yang sudah faham dengan cara hidup setempat dan sangat sesuai dengan kehendak penduduk. Semasa forum berlangsung, penduduk kampung dan semua yang hadir amat mudah tertarik dengan penyampaian mereka. Hal ini kerana dialek dan cara komunikasi menyampaikan mesej dakwah hanya menggunakan bahasa baku Sabah dan diselingkan dengan dialek bahasa Brunie Kedayan. Kaedah yang disampaikan oleh kedua-dua tokoh agamawan ini telah menunjuk ilmu pentingnya menguasai dialek setempat kepada mahasiswa IPDAS dalam menyampaikan mesej dakwah. Pendekatan ini adalah memastikan objektif forum tercapai dan mengelakkan pendengar tersilap faham tentang isi forum yang disampaikan. Pendekatan ini sesuai dengan athar Saidina Ali r.a yang menyebutkan:

قال علي بن أبي طالب رضي الله عنه: حذّروا الناس بما يعرفون، أتحبّون أن يكذب الله ورسوله؟

Maksudnya: "*Sampaikanlah kepada manusia mengikut apa yang mereka fahami; adakah kamu muahu Allah dan Rasul-Nya dipertikaikan oleh mereka.*"

(Riwayat al-Bukhari, No.127)

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pendekatan dakwah yang dilaksanakan dalam Program Amali Dakwah IPDAS menunjukkan kesungguhan institut dalam memperkasa gerakan dakwah secara praktikal khususnya di kawasan pedalaman Sabah. Setiap pendakwah perlulah meneliti terlebih dahulu pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan adat serta budaya setempat. Berpandukan nas al-Quran, IPDAS telah berjaya mengaplikasikan pendekatan yang pelbagai seperti *dakwah bil hal*, *dakwah fardiyah*, dan *dakwah bil lisan*. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan impak yang positif terhadap aspek pembangunan komuniti setempat dan pengukuhan identiti mahasiswa sebagai agen dakwah, tetapi juga meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap nilai Islam, khususnya dalam konteks kepelbagaian budaya dan etnik di Sabah. Implementasi nilai-nilai murni dalam pendekatan dakwah menerusi program ini amat relevan bagi menyampaikan mesej Islam secara inklusif, sekaligus membina kemahiran dakwah serta kemahiran insaniah para mahasiswa. Tuntasnya, program Amali Dakwah IPDAS 2024 di Beaufort berpotensi besar untuk dijadikan model latihan dakwah berteraskan komuniti yang holistik dan berimpak tinggi. Oleh itu, diharapkan kesinambungan program ini dilaksanakan secara berterusan demi memperkuatkan peranan institusi pengajian Islam terutamanya IPDAS dalam pembangunan sosial dan kerohanian masyarakat Malaysia, khususnya di negeri Sabah.

## Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Penerangan Negeri

Sabah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Hidayah Centre Foundation (HCF) serta pihak *Global Academic Excellence* (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

## Rujukan

### Al-Quran

- Ab. Ghani, S.R., Omar, R., Mat Enh, A., & Kamaruddin, R. (2020). Cabaran dan Isu dalam Perkembangan Dakwah Gerakan Islam di Malaysia tahun 1957 – 2020, *Jurnal Pengajian Islam* 2020 Bil. 13 Isu I, 98 – 115.
- Abd Ghani, S. (2020). Cabaran Dakwah Sebelum dan Selepas Merdeka: Satu Tinjauan. *Quranica*, 11(1), 1–22.
- Abd Majid, M., Esa, M., Zainudin, N., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Cabaran Sukarelawan Dakwah Masyarakat dalam Pelaksanaan Dakwah. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 137–152.
- Abd. Majid, M., Esa, M., Zainudin, N., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Cabaran Sukarelawan Dakwah Masyarakat dalam Pelaksanaan Dakwah, *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 16, Isu 2, 137 – 152.
- Abd. Razak, M. R. (2025). Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam FELDA, FELDA Wilayah Raja Alias N9. Pelaksanaan Amali Dakwah di Felda Sahabat, Lahad Datu. Temu bual. 16 April 2025.
- Abdul Mutalib, M.H. (2025). Pemilihan Penempatan Amali Dakwah. Temu bual. 24 Mac 2025.
- Abdul Rahman, A., & Mustapha, R. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, *Islamiyyat* 42 (isu Khas) 2020: 59 – 67
- Abdul Yasim, M.A. (2025). Pelaksanaan program Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 16 April 2025.
- Abdullah, A. R., Hassan, N. H., & Ismail, M. S. (2016). Perancangan Strategik Dakwah Kebajikan dalam Kalangan Masyarakat Pribumi di Malaysia: Satu Tinjauan. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan*, 14(2), 45–60.
- Abdullah, H., & Ainon, M. (2000). Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari. Utusan Publications & Distributo.
- Abdullamad, N. (2025). Aktiviti dalam Program Amali Dakwah di Felda Sahabat, Lahad Datu. Temu bual. 15 April 2025.
- Abū Abdillah Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī. 2002. *Sahīh al-Bukhārī*. Dār Ibn Kathīr. Dimasyk, Beirut, Lubnan.
- Abū al-Husayn ‘Asākir Muslim bin Hajjaj al-Qusayrī al-Naisabūrī. 2006. *Sahīh Muslim*. Dār al-Taibah Linnasyar wa al-Tawzī‘i. Riyadh, Saudi Arabia.
- Ahmad Shukri, J. A. (2025). Program Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 16 April 2025.
- al-Naysaburi. Abi al-Hasan Muslim al-Hajjaj al-Kusyairi. 1427H/2006M. *Shahih Muslim: al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar Min Sunani Binaqli al-‘Adli can al-‘Adli Ila Rasulillah. Riyadh-Arab Saudi: Dar al-Toibah Linnasyri wa al-Tauzī‘i*.
- Amran, M.A.I. (2025). Impak Forum Hal Ehwal Islam. Temu bual. 17 April 2025.
- Awgku Matarsat, D.E. (2025). Program Amali Dakwah IPDAS 2024 di Beaufort. Temu bual. 16 April 2025.
- Azizan, N. I., & Mohd Yusoff, Z. (2020). Nilai Jati Diri dalam Pengurusan Cabaran Dakwah: Perspektif Kisah Nabi Ibrahim AS. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 43–55.
- Borham, A. H., Abdullah, W. H., Ismail, A. M., & Abdul Kadir, F. A. (2017). Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Non-Muslim di Kampung Padang,

Sepulut Pensiangan, Sabah. Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 9(3), 67–78.

Don, A.G., Rahman, N. A., & Ismail, S. (2023). Amali Dakwah: Pendedahan Mahasiswa kepada Realiti Lapangan Dakwah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 14(2), 45–60.

Don, A.G., Puteh, A., Mohamad, A.D., Abd Khafidz, H., Osman, K., Asha'ari, M.F., Nur Tan, A. M., Abdul Ghani, M. Z., & Aini, Z. (2023). Penerimaan Mahasiswa Terhadap Konstruk Kompetensi Latihan Amali Dakwah (LAD), Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Tinta Artikulasi Membina Ummah 9(2), 2023, 24-37.

Gordani, N. (2021). The Concept of Da'Wah Bil Hal Through a Dialogue of Prophet Muhammad SAW to Non-Muslims. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(2), 33-39.

Hashim, J., & Ahmad, M. (2012). The Concept of Islamic Da'wah and Its Obligation, GJAT June 2012, Vol. 2 Issue 1, 85 – 86.

Hashim, N., & Ahmad, M. (2012). Pengertian Dakwah Islam: Satu Tinjauan. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan*, 10(1), 15–28.

Ibrahim, A., Abd Rahman, M. F., & Mohd Noor, N. H. (2024). Pendekatan Pendakwah dalam Masyarakat Multi-Etnik: Kajian Kuantitatif di Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 45–58.

Jalal, B., Ismail, A.S., & Abd Ghani, S. (2018). Cabaran Dakwah dalam Menghadapi Perkembangan Semasa. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23–33.

Jalal, B., Ismail, A.S., & Abd Ghani, S. (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan, *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4 (1), 2018, 23-33 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Jamari, M.N.T. (2025). Pelaksanaan program Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 16 April 2025.

Mahd Nayai, M. E. (2025). Program Amali Dakwah IPDAS 2024 di Beaufort. Temu bual. 16 April 2025.

Mohd Talib, M. N. (2024). Pendekatan Dakwah Dalam Karier Politik Tun Sakaran Dandai di Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Mokhtar, S. (2014) Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi

Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021a). Rekayasa Dakwah KBAT Dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 6 (39), 178-193.

Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021d). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.

Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021c). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6(37), 111–123.

Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.

- Mokhtar, S., Thia, K., & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Ramlie, H.A., & Abang Muis, A.M.R. (2019). Falsafah Pendidikan Islam Merentas Kurikulum Alaf Ke-21. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali ke-2. 19 September 2019. Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Mohd Mokhtar, R. A., Abd Rahim, S., & Zaini, M. S. (2023). Dakwah Bi Al-Nafs: Pemangkin Penularan Virus Mazmumah Dalam Kepimpinan Kendiri. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 230 - 241
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021b). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.
- Monib, S.A. (2025). Peranan IPDAS sebagai pusat pendidikan Islam di Sabah. Temu bual. 17 April 2025.
- Mujiarto, M. (2025). Kepentingan Aktiviti Jamuan Makan. Temu bual. 17 April 2025.
- Nelson. N. (20123). Dakwah Fardiyah Pengantin Baru. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*.
- Nurasad, A, H. (2018). Gerakan Dakwah Pertubahan Islam Seluruh Sabah USIA di Sabah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, B. (2025). Pendekatan dakwah fardiah. Temu bual. 17 April 2025.
- Othman, M. A., Abdullah, M. F., & Ismail, M. N. (2022). Gaya Dakwah Bil-Lisan Pendakwah Bebas di Instagram Melalui Video Pendek. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13(2), 33–39.
- Rahman, N. A., & Ahmad, F. (2020). Pendekatan Dakwah Fardiyah dalam Meningkatkan Kepercayaan antara Pendakwah dan Mad'u. *Jurnal Ilmiah Islam*, 8(3), 33–47.
- Rahmat, H. (2025). Pelaksanaan program Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 16 April 2025.
- Razak, A. A. A., & Abdul Rahim, M. H. (2018). Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 1–17.
- Razali, N.H. (2025). Kesan Pendekatan Dakwah Fardiah Bagi Kelas Mengaji. Temu bual. 24 Mac 2025.
- Ulil Albab. (2020). Dakwah Fardiyah Rasulullah dalam Kitab Fiqh al-Sirah Muhammad Karya Muhammad Sa‘id Ramadan al-Būtī: Analisis Bimbingan dan Konseling Islam. Skripsi Sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Wawan Sopiany. (2023). Dakwah Fardiyah Penyuluhan Agama Islam Di Blok 51 Kelurahan Air Temam Kota Lubuklinggau. *Jurnal Khabar: Komunikasi dan Penyiaran Islam*.
- Zamri, I. H. M., & Osman, K. (2024). Strategi dan Cabaran dalam Membina Pendakwah Gen-Z. Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah.